



اونيورسيتي مليسيا قهغ السلطان عبد الله
**UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG
AL-SULTAN ABDULLAH**

GARIS PANDUAN PEMELIHARAAN DAN PEMULIHARAAN HAIWAN DALAM UNIVERSITI, UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG AL-SULTAN ABDULLAH (UMPSA)

Disediakan oleh:

SEKSYEN PENGURUSAN TANAMAN & LANSKAP
PUSAT PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN HARTA
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG AL-SULTAN ABDULLAH



اوتنورسييتي مليسيا فهغ السلطان عبد الله
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG
AL-SULTAN ABDULLAH

KELUARAN : 01

KELULUSAN : MESYUARAT JAWATANKUASA
PENGURUSAN UNIVERSITI (JKPU) BIL.

| | Isi Kandungan |
|-----|--------------------------------|
| 1. | PENGENALAN |
| 2. | TUJUAN DAN OBJEKTIF |
| 3. | UMUM |
| 4. | KUMPULAN HAIWAN |
| 5. | PENJENISAN HAIWAN |
| 6. | PENDAFTARAN DAN IDENTIFIKASI |
| 7. | KESEJAHTERAAN HAIWAN |
| 8. | TINGKAH LAKU DAN KESELAMATAN |
| 9. | KEBERSIHAN PERSEKITARAN |
| 10. | HAD BILANGAN DAN JENIS HAIWAN |
| 11. | PENGEQUALIAN DAN LARANGAN |
| 12. | TINDAKAN DISIPLIN |
| 13. | PENGURUSAN HABITAT DAN SPESIES |
| 14. | PENDIDIKAN DAN KESEDARAN |
| 15. | PEMULIHARAAN HAIWAN |

1.0 PENGENALAN

Pemeliharaan dan pemuliharaan haiwan dalam universiti adalah penting untuk memastikan kesejahteraan haiwan yang dipelihara di dalam kawasan universiti meliputi haiwan ternakan dan haiwan liar termasuk untuk digunakan dalam penyelidikan, pengajaran, pemeliharaan biodiversiti di kampus atau aktiviti lain. Garis panduan haiwan peliharaan dalam konteks universiti atau komuniti biasanya bertujuan untuk memastikan kesejahteraan haiwan, keselamatan penghuni, dan menjaga kebersihan serta ketenteraman persekitaran.

Selain itu, Garis panduan pemuliharaan haiwan dalam universiti adalah dokumen yang mengarahkan amalan terbaik untuk melindungi dan memulihara spesies haiwan, terutama yang berada di bawah ancaman atau yang memerlukan perhatian khusus.

2.0 TUJUAN DAN OBJEKTIF

2.1 Pemuliharaan Biodiversiti

Memastikan semua usaha pemuliharaan bertujuan untuk melindungi dan memulihara biodiversiti, terutamanya spesies yang terancam.

2.2 Pendidikan dan Kesedaran

Meningkatkan kesedaran dalam kalangan pelajar dan kakitangan mengenai kepentingan pemuliharaan dan tanggungjawab mereka terhadap alam sekitar.

3.0 UMUM

Elemen-elemen umum yang perlu dititikberatkan dalam aspek pemeliharaan dan pemuliharaan haiwan ini termasuklah seperti berikut:

3.1 Pematuhan Undang-undang dan Etika

- **Pematuhan Akta dan Peraturan**
Semua pemeliharaan dan penggunaan haiwan perlu mematuhi undang-undang dan peraturan tempatan serta antarabangsa yang berkaitan, seperti Akta Kebajikan Haiwan.
- **Lembaga Etika**
Penubuhan jawatankuasa etika haiwan yang bertanggungjawab untuk menilai dan meluluskan semua aktiviti yang melibatkan penggunaan haiwan.

3.2 Kebajikan Haiwan

- **Penjagaan Harian**

Haiwan mesti diberikan penjagaan yang sesuai, termasuk makanan, air, tempat tinggal yang bersih, dan persekitaran yang sesuai dengan spesies mereka.

- **Kesihatan**

Program penjagaan kesihatan yang merangkumi pemeriksaan kesihatan rutin dan rawatan perubatan yang diperlukan.

- **Perlindungan dari Kesakitan dan Stres**

Langkah-langkah perlu diambil untuk meminimumkan kesakitan, kecederaan, atau stres kepada haiwan.

3.3 Latihan dan Kompetensi

- **Latihan Staf**

Staf yang terlibat dalam pemeliharaan dan penggunaan haiwan mesti mempunyai latihan dan kompetensi yang diperlukan untuk memastikan kebajikan haiwan.

- **Pengawasan**

Pemantauan berkala oleh veterinar atau profesional yang terlatih.

3.4 Penggunaan Haiwan dalam Penyelidikan dan Pengajaran

- **Penggunaan Alternatif**

Galakan penggunaan alternatif kepada haiwan jika boleh, seperti model komputer atau simulasi.

- **Pengurangan, Penggantian, dan Penghalusan (3R - *Replacement, Reduction, Refinement*)**

Prinsip ini harus dipatuhi dalam semua aktiviti yang melibatkan haiwan.

- **Dokumentasi dan Rekod**

Penyimpanan rekod terperinci mengenai penggunaan haiwan, keadaan kesihatan mereka, dan sebarang prosedur yang dilakukan.

3.5 Kawalan dan Pemeriksaan

- **Audit Dalaman**

Pengawasan berkala dan audit dalaman untuk memastikan garis panduan dipatuhi.

- **Pelaporan dan Penambahbaikan**

Mekanisme untuk melaporkan sebarang pelanggaran garis panduan dan cadangan untuk penambahbaikan.

3.6 Penamatan Hayat

- **Euthanasia Beretika**

Jika haiwan perlu di-euthanasia, ia mesti dilakukan dengan cara yang beretika mengikut prosedur yang diluluskan dan tanpa menyebabkan kesakitan yang tidak perlu..

4.0 KUMPULAN HAIWAN

Kumpulan haiwan terbahagi kepada beberapa kumpulan seperti berikut:

4.1 *Mamalia*

Mamalia tergolong dalam benda hidup, kumpulan haiwan, mempunyai tulang belakang. Ciri-ciri haiwan *mamalia* mempunyai saraf tunjang, bertulang belakang, mempunyai jantung dengan 4 ruang, badan dilitupi oleh bulu, mempunyai cuping telinga, mempunyai kelenjar peluh, *mamalia* betina melahirkan dan menyusukan anak (kecuali *mamalia* yang sangat primitif seperti *Platypus* dan sesetengah Tenggiling), bernafas melalui peparu dan berdarah panas (suhu badan tetap).

4.2 *Aves*

Bermaksud haiwan *vertebrate* yang berkaki dua, dan boleh bertelur. Ciri-ciri lain termasuk berbulu pelepah dan berparuh. Berat badan di antara 10gm hingga 115kg. Contoh termasuk burung kuang, tiong, raja udang, barau-barau dan lain-lain;

4.3 *Reptilia*

Bermaksud haiwan *vertebrate* berkaki empat atau yang tidak berkaki. *Embrio* dikelilingi oleh selaput amniotik. Contoh terdiri dari famili *Ghaviidae* (julung-julung), *Crocodylidae* (buaya), *Varanidae* (biawak), *Scincidae* (mengkarung), *Pythonidae* (ular sawa), *Viperidae* (ular kapak);

4.4 *Amfibia*

Bermaksud haiwan *vertebrate* berkaki empat yang tidak mempunyai telur atau *embrio* yang dilindungi oleh selaput *embrionik*. Mempunyai ciri-ciri *ektotermik* (suhu badan ditentukan oleh persekitaran) dan

menghabiskan separuh dari masa di darat. Contoh terdiri dari jenis katak; dan

4.5 Insecta

Bermaksud kumpulan besar daripada *filum arthropod* dan mempunyai lebih dari satu juta spesies. Haiwan ini kecil, bersaiz 0.139mm hingga 55.5cm dan mempunyai enam kaki. Di kalangan spesies ini termasuk yang berjalan, berenang dan terbang. Contoh pepatung, rama-rama, kumbang, semut, lebah dan lain-lain.

5.0 PENJENISAN HAIWAN

Penjensian haiwan adalah seperti berikut:

5.1 Induk

Haiwan betina matang seksual yang terdiri daripada keturunan terbaik, tiada kecacatan genetik serta lulus pemeriksaan bibit pembiak yang boleh digunakan untuk pembiakan.

5.2 Pejantan

Haiwan jantan matang seksual yang terdiri daripada keturunan terbaik, tiada kecacatan genetik serta lulus pemeriksaan daya biak yang boleh digunakan untuk pembiakan.

5.3 Jantan

Haiwan jantan yang terdiri daripada keturunan terbaik, tiada kecacatan genetik dan fizikal yang digunakan untuk tujuan penyampaian perkhidmatan seperti pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan dan penjualan.

5.4 Betina

Haiwan betina yang terdiri daripada keturunan terbaik, tiada kecacatan genetik dan fizikal yang digunakan untuk tujuan penyampaian perkhidmatan seperti pengajaran dan pembelajaran serta penjualan.

5.5 Anak Jantan

Haiwan jantan yang diperolehi hasil pembiakan induk dan pejantan. Baka yang belum mencapai umur matang atau yang belum boleh digunakan untuk pembiakan.

5.6 Anak Betina

Haiwan betina yang diperolehi hasil pembiakan induk dan pejantan. Baka yang belum mencapai umur matang atau yang belum boleh digunakan untuk pembiakan.

6.0 PENDAFTARAN DAN IDENTIFIKASI

6.1 Pendaftaran Haiwan

Pemilik atau penjaga yang dilantik untuk mengelola haiwan peliharaan perlu mendaftarkan haiwan mereka dengan pihak berkuasa universiti atau komuniti. Ini termasuk memberikan maklumat seperti jenis haiwan, nama, umur, dan rekod kesihatan.

6.2 Tanda Pengenalan

Haiwan peliharaan mesti memakai tanda pengenalan yang jelas, seperti kolar dengan nama dan nombor telefon pemilik.

7.0 KESEJAHTERAAN HAIWAN

7.1 Kesihatan dan Vaksinasi

Haiwan peliharaan mesti divaksinasi mengikut keperluan, dan pemilik perlu memastikan haiwan mereka mendapatkan rawatan veterinar apabila perlu.

7.2 Makanan dan Air

Pemilik mesti menyediakan makanan yang berkhasiat dan air yang mencukupi kepada haiwan peliharaan mereka. Bekalan makanan dan minuman yang mencukupi mesti disediakan secara berkala.

7.3 Kemudahan dan Persekitaran

Haiwan mesti ditempatkan dalam persekitaran yang sesuai dengan keperluan biologi dan tingkah laku mereka.

7.4 Kebersihan

Tempat tinggal haiwan peliharaan haruslah sentiasa bersih untuk mencegah penyebaran penyakit.

8.0 TINGKAH LAKU DAN KESELAMATAN

8.1 Kawalan Haiwan

Haiwan peliharaan mesti dikawal setiap masa, terutamanya dalam kawasan awam. Ini termasuk memastikan tidak terdapat sebarang ancaman yang mungkin berpunca dari haiwan berkaitan kepada komuniti.

8.2 Gangguan

Bertanggungjawab memastikan haiwan peliharaan tidak mengganggu atau menakutkan orang lain, termasuk dengan menyalak, menyerang, atau merosakkan harta benda.

8.3 Kawalan Bunyi Dan Kebisingan

Mengambil langkah untuk mengurangkan bunyi bising yang dibuat oleh haiwan peliharaan, terutamanya pada waktu malam.

9.0 KEBERSIHAN PERSEKITARAN

9.1 Pengurusan Najis

Membersihkan najis haiwan peliharaan di kawasan awam dan membuangnya dengan cara yang betul.

9.2 Kebersihan Umum

memastikan bahawa haiwan peliharaan mereka tidak menyebabkan kekotoran atau pencemaran di kawasan umum.

10.0 HAD BILANGAN DAN JENIS HAIWAN

10.1 Bilangan Haiwan

Mematuhi had bilangan haiwan peliharaan yang boleh dimiliki di dalam sesuatu premis.

10.2 Jenis Haiwan

Mengehadkan jenis haiwan peliharaan yang dibenarkan, terutamanya haiwan yang dianggap berbahaya atau tidak sesuai untuk tinggal di Kawasan Komuniti

11.0 PENGECUALIAN DAN LARANGAN

11.1 Larangan Tertentu

Mematuhi larangan-larangan tertentu yang telah dikuatkuasakan oleh penguasa di mana pemeliharaan haiwan berkaitan beroperasi seperti haiwan eksotik, spesis terancam atau hidupan liar.

11.2 Pengecualian

Haiwan peliharaan untuk keperluan khas dengan syarat dokumentasi yang sesuai disediakan. Permit pemeliharaan mungkin diperlukan bagi tujuan tertentu yang diluluskan.

12.0 TINDAKAN DISIPLIN

12.1 Penalti

Sebarang kesalahan dan pelanggaran garis panduan mungkin dikenakan denda atau tindakan disiplin lain tertakluk kepada keputusan lembaga/jawatankuasa yang diberikan kuasa.

12.2 Penarikan Hak

Dalam kes pelanggaran serius, universiti atau komuniti boleh menarik balik hak untuk memelihara haiwan peliharaan di kawasan tersebut.

13.0 PENGURUSAN HABITAT DAN SPESIES

13.1 Pemulihan Habitat

Menyediakan Program tertentu untuk memulihkan habitat yang terjejas atau terancam dalam kawasan kampus

13.2 Pengurusan Spesies Terancam

Menyediakan Pelan pengurusan khusus untuk spesies yang disenaraikan sebagai terancam atau dilindungi.

13.3 Pemantauan Populasi

Pemantauan berterusan untuk menilai kesihatan dan status populasi spesies yang dipelihara sekiranya berkaitan

14.0 PENDIDIKAN DAN KESEDARAN

14.1 Program Pendidikan

Pemilik digalakkan untuk mengambil bahagian dalam program pendidikan tentang tanggungjawab pemeliharaan haiwan peliharaan

14.2 Penyebaran Maklumat

Universiti atau komuniti boleh menyediakan sumber maklumat tentang penjagaan haiwan, undang-undang yang berkaitan, dan perkhidmatan veterinar tempatan.

15.0 PEMULIHARAAN HAIWAN

15.1 Pematuhan Undang-undang dan Dasar

- **Perundangan Tempatan dan Antarabangsa**

Semua aktiviti pemuliharaan mesti mematuhi undang-undang tempatan, peraturan kebangsaan, dan konvensyen antarabangsa

seperti Konvensyen Kepelbagaian Biologi (CBD) dan Konvensyen Perdagangan Antarabangsa Spesies Terancam (CITES).

- **Dasar Universiti**

Mematuhi dasar dalaman universiti yang berkaitan dengan pemuliharaan alam sekitar dan biodiversiti.

15.2 Penilaian Impak Alam Sekitar

- **Kajian Awal**

Sebarang aktiviti atau projek yang boleh menjejaskan spesies haiwan mesti didahului dengan kajian impak alam sekitar untuk menilai potensi risiko.

- **Pelan Pengurusan Impak**

Membangunkan pelan untuk mengurangkan atau mengelakkan kesan negatif terhadap habitat dan spesies yang terlibat.

15.3 Pengurusan Habitat dan Spesies

- **Pemulihan Habitat**

Program untuk memulihkan habitat yang terjejas atau terancam dalam kawasan kampus.

- **Pengurusan Spesies Terancam**

Pelan pengurusan khusus untuk spesies yang disenaraikan sebagai terancam atau dilindungi.

- **Pemantauan Populasi**

Pemantauan berterusan untuk menilai kesihatan dan status populasi spesies yang dipulihara.

15.4 Pendidikan dan Penyelidikan

- **Penyelidikan Pemuliharaan**

Galakkan penyelidikan yang berkaitan dengan pemuliharaan spesies dan ekosistem, dengan tujuan untuk menyumbang kepada ilmu pengetahuan global mengenai biodiversiti.

- **Program Kesedaran**

Program pendidikan untuk pelajar dan kakitangan mengenai pemuliharaan dan perlindungan spesies, termasuk kempen kesedaran dan latihan praktikal.

15.5 Kerjasama dan Penglibatan Komuniti

- **Kerjasama dengan Badan Luar**
Bekerjasama dengan organisasi pemuliharaan, badan kerajaan, dan NGO dalam melaksanakan program pemuliharaan.
- **Penglibatan Komuniti**
Melibatkan komuniti setempat dalam usaha pemuliharaan melalui program pendidikan, sukarelawan, dan projek komuniti.

15.6 Pemantauan dan Pelaporan

- **Audit Ekologi**
Melakukan audit ekologi berkala untuk menilai keberkesanan langkah-langkah pemuliharaan.
- **Pelaporan**
Melaporkan kemajuan dan hasil program pemuliharaan kepada pihak berkepentingan, termasuk pihak universiti dan komuniti setempat.

15.7 Pembiayaan dan Sumber

- **Pembiayaan Mampan**
Menyediakan sumber kewangan yang mencukupi untuk melaksanakan aktiviti pemuliharaan, termasuk mencari dana daripada sumber luar seperti geran dan kerjasama dengan industri.
- **Penggunaan Teknologi**
Memanfaatkan teknologi terkini dalam pemantauan dan pengurusan spesies dan habitat.

TAMAT

RUJUKAN

- 1. KOD AMALAN KEBAJIKAN HAIWAN – JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**
- 2. GARIS PANDUAN PEMELIHARAAN HIDUPAN LIAR - PERHILITAN**